

## **NOTA MAKLUMAN**

### **MENGENAI**

**AKTIVITI PELUPUSAN HARAM BUANGAN TERJADUAL  
DI LOT 3164, JALAN PELABUHAN TANJUNG PELEPAS  
SYAHBANDAR, 81560 GELANG PATAH , JOHOR  
PADA**

**26 JULAI 2022**

**(KEMASKINI PADA 16 JANUARI 2025)**

### **TUJUAN**

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkenaan perkara di atas.

### **LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) menerima email daripada Encik Huzaifah Hatim pada 26 Julai 2022 berkenaan aktiviti pelupusan haram buangan terjadual di tanah milik beliau di Tanjung Kupang iaitu di Lot 3164, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, Gelang Patah, Johor. Maklumat yang sama juga diterima daripada Inspektor Hazwan yang bertugas di Balai Polis Iskandar Puteri, Johor.

3. Beliau memaklumkan, terdapat makmal dan tong untuk menyimpan serta memproses minyak hitam di Lot 3164, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, 81560 Gelang Patah, Johor.

4. Siasatan telah dijalankan oleh JAS dan tindakan pendakwaan telah diambil ke atas pihak bertanggungjawab di bawah Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, Seksyen 18, Seksyen 19, Seksyen 24 dan Seksyen 34A AKAS 1974. Perbicaraan telah dijalankan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 7 Januari 2025 hingga 10 Januari 2025 dan akan bersambung semula pada 3 Mac 2025 dan 4 Mac 2025.

5. Pendakwaan telah dijalankan ke atas Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram selaku orang yang menjalankan aktiviti-aktiviti di atas tanah Lot 3164 Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, Gelang patah Johor.

6. Pada 10 Januari 2025, JAS telah menerima salinan email bertajuk "*Issue of Illegal Waste Processing on Leased Land in Tajung Kupang, Johor and charges drop on the main tenant SP* " yang dikemukakan kepada YB Menteri NRES oleh Encik Huzaifah Hatim. Email ini adalah rantaian daripada email yang pernah dikemukakan oleh Encik Huzaifah pada 28 September 2024 yang lalu.

7. Email terkini adalah berkaitan dengan ketidak puasan hati beliau bahawa tindakan pendakwaan tidak dikenakan kepada penyewa tanah iaitu SP Segera Sdn. Bhd.

## **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

### **Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar**

8. Tindakan pendakwaan diambil ke atas Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram adalah berdasarkan siasatan yang telah dijalankan ke atas premis di alamat Lot 3164, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, 81560 Gelang Patah, Johor pada 1 Ogos 2022, dan susulan maklumat yang diterima daripada pemilik tanah iaitu MNJB Realty (pengadu) serta maklumat daripada pihak PDRM.

9. Hasil siasatan yang dijalankan pada 1 Ogos 2022 oleh JAS adalah seperti berikut:

9.1 JAS mendapati terdapat tumpahan cecair berwarna hitam di atas lantai premis dan enapcemar berwarna hitam di atas permukaan tanah, serta peralatan-peralatan iaitu dua (2) unit *heating tank* berserta cerobong pada setiap unit, satu (1) unit *mixing tank* dan dua (2) unit *transfer pump*.

9.2 Siasatan di kawasan penstoran mendapati, terdapat longgokan *intermediate bulk container* (IBC) kosong,

longgokan IBC mengandungi cecair berwarna hitam, cecair berwarna perang dan serbuk berwarna putih, 14 unit *plastic bucket* dicemari dengan minyak mineral, 23 unit *steel bunghole drum* dicemari dengan minyak mineral, satu (1) unit *steel drum* mengandungi cecair berwarna jernih dan dua (2) unit *steel drum* mengandungi cecair berwarna perang serta empat (4) unit *jerrican* mengandungi cecair berwarna hitam dan empat (4) unit *jerrican* dicemari dengan minyak mineral.

- 9.3 Premis disyaki menjalankan aktiviti pemanasan dan pencairan bitumen. Bitumen yang telah membeku dan keras di dalam *tanker* pada lori tangki akan dipindahkan ke *heating tank* untuk tujuan pencairan. Tapak premis tersebut telah disewakan bagi tujuan meletakkan lori tangki serta *steel bunghole drum* yang dicemari dengan minyak mineral dan memindahkan kandungannya ke *steel drum* yang lain.
- 9.4 Lot tanah tersebut dimiliki oleh MNJB Realty Sdn. Bhd. dan Encik Huzaifah bin Hatim merupakan pengarah syarikat tersebut. Status tanah adalah tanah pertanian untuk aktiviti penanaman getah dan pokok pinang.
- 9.5 Pemilik tanah telah menyewakan tapak tersebut kepada Syarikat S.P. Segera Sdn. Bhd. bagi tujuan *hardware storage / parking equipment* melalui surat perjanjian

penyewaan yang ditandatangani oleh Encik Hua Lai Hock yang juga dikenali sebagai Francis Hua sebagai pengarah syarikat.

- 9.6 Syarikat S.P. Segera Sdn. Bhd. Pula telah menyewakan lot tersebut kepada Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram. Berdasarkan surat perjanjian penyewaan tapak antara Syarikat S. P. Segera Sdn. Bhd. dan Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram, lot tersebut akan digunakan bagi tujuan meletak kenderaan (lori).
- 9.7 Sehubungan itu, berdasarkan kepada surat perjanjian penyewaan tapak antara Syarikat S. P. Segera Sdn. Bhd. dan Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram, tindakan perundangan diambil ke atas Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram kerana beliau adalah pihak yang disyaki bertanggungjawab menjalankan aktiviti yang menyalahi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

### **Tindakan Jabatan Alam Sekitar Hingga 17 Disember 2024**

10. Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) terhadap peralatan-peralatan iaitu dua (2) unit *heating tank* berserta cerobong, satu (1) unit *mixing tank* dan dua (2) unit *transfer pump* telah dilakukan pada 1 Ogos 2022.

11. Sembilan (9) sampel di dalam kawasan premis telah diambil dan keputusan analisis sampel oleh Jabatan Kimia Malaysia bertarikh 15 Disember 2022 yang diterima oleh JAS pada 18 Disember 2022 adalah seperti berikut :-

<b>Sampel</b>	<b>Keterangan</b>
1	Sampel merupakan bukan buangan terjadual
2	Sampel merupakan bukan buangan terjadual
3	Sampel merupakan bukan buangan terjadual
4	Sampel merupakan buangan terjadual dengan kod buangan SW 322
5	Sampel merupakan buangan terjadual dengan kod buangan SW 322
6	Sampel merupakan buangan terjadual dengan kod buangan SW 322
7	Sampel merupakan buangan terjadual dengan kod buangan SW 322
8	Sampel merupakan buangan terjadual dengan kod buangan SW 322
9	Sampel merupakan buangan terjadual dengan kod buangan SW 204

12. Kertas siasatan bagi pendakwaan ke atas Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram iaitu penyewa terakhir di Lot 3164, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, 81560 Gelang Patah, Johor telah dibuka bagi kesalahan-kesalahan berikut:-

- 12.1 Menggunakan tapak premis sebagai Premis Yang Ditetapkan iaitu suatu Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual tanpa mempunyai lesen sepertimana di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 18(3), Akta yang sama;
- 12.2 Membina dan menjalankan aktiviti penstoran buangan terjadual di tapak yang menyebabkan premis menjadi sebuah Premis Yang Ditetapkan iaitu suatu Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual tanpa mendapat Kebenaran Bertulis sepertimana di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 41, Akta yang sama;
- 12.3 Mencemar permukaan tanah dengan buangan terjadual sepertimana di bawah Seksyen 24(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(3), Akta yang sama;
- 12.4 Menjalankan aktiviti penstoran buangan terjadual di tapak premis tanpa mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekeliling (EIA) daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sepertimana di bawah Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 34A(8) Akta yang sama; dan

12.5 Gagal mengemukakan pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling bagi membina atas mana-mana tanah, apa-apa bangunan atau premis yang direka bentuk atau digunakan bagi tujuan yang boleh mewujudkan suatu punca pengeluaran yang baru daripada proses pemanasan *bitumen* di dalam *heating tank* di premis sepertimana di bawah Peraturan 5(1)(c), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum kerja tersebut dimulakan sepertimana di bawah Peraturan 5(2), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 yang boleh dihukum di bawah Peraturan 29, Peraturan yang sama.

13. Izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwa Raya telah diperolehi pada 28 Februari 2023 bagi menjalankan pendakwaan ke atas Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram.

14. Kes telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen Jenayah Johor Bahru pada 21 Mac 2023 dan sebutan pertama kes pada 6 April 2023 di mana Orang Kena Saman (OKS) Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

15. Pada 13 Disember 2023, satu permohonan bagi pelupusan barang kes sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 407A, Kanun Tatacara Jenayah telah difailkan di Mahkamah Sesyen Jenayah Johor Bahru, Johor terhadap pihak responden iaitu MNJB Realty Sdn Bhd setelah pihak Jabatan menerima surat permohonan daripada Pengarah Syarikat MNJB Realty Sdn Bhd iaitu En. Huzaifah bin Hatim bagi melupuskan buangan terjadual di atas Lot 3164, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, 81560 Gelang Patah, Johor supaya tanah tersebut boleh disewakan semula.

16. Sebutan bagi permohonan pelupusan barang kes sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 407A, Kanun Tatacara Jenayah telah dijalankan pada 3 Januari 2024 di Mahkamah Sesyen Jenayah, Johor Bahru, Johor dengan kehadiran Pengarah Syarikat MNJB Realty Sdn. Bhd. iaitu En. Huzaifah bin Hatim.

17. Semasa prosiding mahkamah dijalankan, tiada sebarang bantahan dibuat oleh Pengarah Syarikat MNJB Realty Sdn Bhd iaitu En. Huzaifah bin Hatim dan pihaknya menerima semua terma di dalam notis permohonan tersebut dengan permohonan pelanjutan tempoh pelupusan buangan terjadual tersebut dari 3 bulan kepada 6 bulan dari tarikh perintah dikeluarkan.

18. Satu surat permohonan daripada MNJB Realty Sdn Bhd berhubung pendakwaan yang digugurkan ke atas penyewa pertama Lot 3164, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, 81560 Gelang Patah, Johor iaitu S. P. Segera Sdn. Bhd. telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara melalui surat bertarikh 5 Mac 2024.

19. Susulan itu, arahan yang diterima daripada Timbalan Pendakwa Raya adalah bagi menyediakan Nota Taklimat kepada Jabatan Peguam Negara berhubung kes ini.

20. Kertas siasatan kes telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara pada 16 Ogos 2024 oleh Penasihat Undang-Undang Jabatan Alam Sekitar susulan surat MNJB Realty Sdn. Bhd.

21. Pada 12 September 2024, Jabatan Alam Sekitar telah menerima semula kertas siasatan daripada Unit Jenayah dan Ketenteraman Awam Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara untuk meneruskan pertuduhan terhadap Encik Jayakumar A/L R.S Sithambaram.

22. Perbicaraan kes ini telah berjalan di mana empat (4) orang saksi telah memberi keterangan dan akan sambung bicara pada 15,16 dan 17 Disember 2024.

## **Tindakan Jabatan Alam Sekitar Hingga 10 Januari 2025**

23. Perbicaraan diteruskan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 7 Januari 2025 hingga 10 Januari 2025 dan akan bersambung semula pada 3 Mac 2025 dan 4 Mac 2025.

24. Pengadu turut dipanggil dan hadir ke Mahkamah pada 9 Januari 2025 bagi tujuan proses pengecaman oleh Pegawai Penyiasat (IO).

### **SYOR**

25. Pendakwaan ke atas penyewa terakhir di Lot 3164, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, 81560 Gelang Patah, Johor iaitu Encik Jayakumar A/L R.S. Sithambaram diteruskan seperti arahan Timbalan Pendakwaraya walau pun pengadu meminta pendakwaan ke atas Syarikat S. P. Segera Sdn. Bhd.

### **PENUTUP**

26. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh JAS terhadap kes ini.

## **JABATAN ALAM SEKITAR**

**16 Januari 2025**

**GAMBAR SIASATAN PADA 1 OGOS 2022**



Gambar 1: Pintu masuk ke premis di Lot 3164, Jalan Pelabuhan Tanjung Pelepas Syahbandar, 81560 Gelang Patah, Johor





Gambar 2 - 4: Bekas *Intermediate bulk container* (IBC) yang telah dipotong dan dicemari dengan bahan disyaki buangan terjadual





Gambar 5 - 8: Longgokan IBC dan *steel bunghole drum* yang disyaki mengandungi buangan terjadual



Gambar 9: Cecair berwarna hitam (bitumen) daripada lori tangki







Gambar 10 - 13: Lori tangki bernombor pendaftaran NBH 5799 (penggerak utama) dan T/NA 521 (*trailer*) berserta *tanker* yang membawa muatan bitumen dan telah disita oleh JAS



Gambar 14: Penahanan operasi terhadap *heating tank*



Gambar 18 & 19: Tong IBC yang mengandung cairan berwarna perang dan *transfer pump*



























Gambar 20 - 45: Sejumlah sembilan (9) sampel telah diambil untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia